

Ruj. : MBOT.600-8/5/1 JLD 2(20)
Tarikh : 25 November 2024

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN KRITERIA DAN TANGGUNGJAWAB PENILAI LUAR, PENASIHAT LUAR DAN PENASIHAT INDUSTRI BAGI PROGRAM YANG DIAKREDITASI OLEH MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL (TTAC)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Standard Akreditasi Teknologi dan Teknikal Edisi Kedua bagi Sektor Akademik dan Sektor TVET menetapkan penglibatan penilai luar, penasihat luar dan penasihat industri dalam program adalah sekurang-kurangnya sekali setiap dua tahun. Selaras dengan ketetapan ini, TTAC menggariskan kriteria dan tanggungjawab tersebut sebagai panduan kepada pemberi pendidikan seperti di Lampiran 1.
3. Kriteria dan tanggungjawab tersebut adalah berkuatkuasa bagi permohonan akreditasi bermula **1 Januari 2025**. Selanjutnya, templat laporan untuk penilai luar, penasihat luar dan penasihat industri boleh dimuat turun melalui pautan <https://ttasmbot.org.my/srr.php>. Penilai luar adalah **diwajibkan** menggunakan templat yang disediakan, manakala penasihat luar dan penasihat industri adalah **digalakkan** sahaja.
4. Sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah berhubung dengan Sekretariat Akreditasi Teknologi dan Teknikal di talian 03 - 8800 6210 / 6211 atau emel ttas@mbot.org.my.

Sekian, terima kasih.



(LT. KOL PROF. DATO' TS. DR. ZALIMAN BIN SAULI)
Pengerusi

Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal
Lembaga Teknologis Malaysia

KETETAPAN KRITERIA DAN TANGGUNGJAWAB PENILAI LUAR, PENASIHAT LUAR DAN PENASIHAT INDUSTRI OLEH MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL (TTAC) LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT)

Perkara	Penilai Luar	Jawatankuasa Penasihat Program	
		Penasihat Luar	Penasihat Industri
Kriteria	<ul style="list-style-type: none"> a. Seorang individu luar daripada pemberi pendidikan yang mempunyai kelayakan, kepakaran, dan/atau pengalaman yang diperlukan dalam bidang yang dilantik. b. Tidak mempunyai kepentingan peribadi dengan pemberi pendidikan, termasuk tidak menjadi sebahagian daripada penasihat luar atau industri yang dilantik. 	<ul style="list-style-type: none"> a. Seorang individu luar daripada komuniti akademik yang mempunyai kelayakan, kepakaran, dan/atau pengalaman yang diperlukan dalam bidang yang dilantik. b. Salah seorang daripada mereka mestilah berdaftar sebagai Teknologis Profesional atau Juruteknik Bertauliah. 	<ul style="list-style-type: none"> a. Seorang individu luar daripada industri yang mempunyai kelayakan, kepakaran, dan/atau pengalaman yang diperlukan dalam bidang yang dilantik. b. Salah seorang daripada mereka mestilah berdaftar sebagai Teknologis Profesional atau Juruteknik Bertauliah.
Tanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> a. Menilai program berdasarkan keperluan standard akreditasi TTAC MBOT. b. Berkongsi hasil penilaian dengan pemberi pendidikan untuk memudahkan penambahbaikan program selaras dengan standard akreditasi TTAC MBOT. c. Menyediakan laporan penilaian berdasarkan keperluan standard akreditasi TTAC MBOT. 	<ul style="list-style-type: none"> a. Memberi nasihat mengenai program selaras dengan standard akreditasi TTAC MBOT, bertujuan untuk menyokong pembangunan, pelaksanaan dan semakan program. 	
Dokumen	Laporan penilaian berdasarkan keperluan standard akreditasi TTAC MBOT.	Laporan / minit mesyuarat	